

**MINIT MESYUARAT PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF  
SEKTOR AWAM (EKSA)  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JPM  
BIL 1/2017**

**TARIKH : 7 FEBRUARI 2017 (SELASA)**  
**MASA : 9.00 – 11.30 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT GEMILANG  
ARAS 6, BHEUU**  
**PENGERUSI : TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(PENGURUSAN)**  
**KEHADIRAN: SEPERTI DI LAMPIRAN A**

BIL	PERKARA	TINDAKAN
<b>1.</b>	<b>PERUTUSAN PENGERUSI</b>	
<b>1.1</b>	Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli Mesyuarat. Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada mantan Pengarah Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Encik Raffidi Abdullah yang telah bercuti kerana melanjutkan pelajaran dan memperkenalkan Tuan Haji Mohd Shahren bin Ahmad Saman sebagai pengganti Encik Raffidi.	Makluman
<b>1.2</b>	EKSA diperkenalkan pada bulan Januari 2014 oleh MAMPU bagi penjenamaan semula 5S bertujuan untuk menampilkan imej baru, kekal relevan, mempunyai identiti tersendiri, meningkatkan persaingan di kalangan agensi dan memenuhi keperluan semasa, supaya lebih relevan kepada jabatan serta agensi sektor awam di Malaysia.	Makluman
<b>1.3</b>	BHEUU mengambil inisiatif untuk melaksanakan EKSA sebagaimana yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Pengurusan Bil 1/2015 bila Amalan 5S (MPC) ditukar kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).	Makluman
<b>1.4</b>	Minit-minit Mesyuarat diminta untuk tidak dicetak sebagai langkah menjamin kelestarian EKSA.	Makluman

<b>2.</b>	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT EKSA BIL 2/2016</b>	
	Minit Mesyuarat Bil.2/2016 telah disahkan dengan sedikit pindaan seperti berikut:	
2.1	Muka surat 3, III, 1.1 “..15 Disember 2015 hingga 29 Disember 2015”	Makluman
2.2	Muka surat 3, 2.2 “..Pertandingan Ruang Tercantik”.	Makluman
<b>3.</b>	<b>PINDAAN LOGO EKSA, FACEBOOK EKSA DAN KEMUDAHAN TONG SAMPAH</b>	
	Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum mengenai perkara-perkara berikut:	
3.1	Logo EKSA BHEUU yang telah dipertandingkan akan dibuat pindaan.	Seksyen Pengurusan Maklumat
3.2	Mengemaskini <i>Facebook</i> EKSA BHEUU dengan meletakkan gambar-gambar dan aktiviti-aktiviti EKSA yang telah dan sedang berlangsung.	Ahli Jawatankuasa Promosi EKSA
3.3	Mesyuarat memutuskan agar meletakkan tong sampah di kawasan <i>parking</i> kenderaan jabatan.	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
3.4	Pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan kepada sektor terbaik dan Ahli Jawatankuasa EKSA.	Urus Setia
<b>4.</b>	<b>LAWATAN PENANDA ARAS EKSA</b>	
	Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan lawatan penanda aras EKSA. Urus setia akan mendapatkan senarai jabatan yang telah memperolehi Sijil EKSA Cemerlang daripada MAMPU untuk urusan lawatan tersebut.	Urus Setia
<b>5.</b>	<b>CARTA PERBATUAN PELAKSANAAN EKSA</b>	
	Mesyuarat mengambil maklum kepada penyediaan Carta Perbatuan yang akan disediakan sebagai panduan untuk pelaksanaan EKSA di BHEUU pada tahun 2017. Perincian Carta Perbatuan ini akan dibentangkan pada Mesyuarat yang akan datang.	Makluman /Urus Setia



<b>6.</b>	<b>SUMBER KEWANGAN UNTUK PELAKSANAAN EKSA DI BHEUU</b>	
	Mesyuarat bersetuju agar pengurusan sumber kewangan bagi EKSA seperti berikut:	
6.1	Kutipan hasil kitar semula seksyen-seksyen diperuntukan 10% untuk pelaksanaan EKSA.	Semua sektor –sektor EKSA
6.2	Penyediaan Buku Akaun untuk merekodkan kutipan seperti di para 6 bagi tujuan audit.	Semua sektor –sektor EKSA
6.3	Mesyuarat mengambil maklum baki kutipan hadiah ciptaan logo EKSA BHEUU adalah berjumlah RM247.00.	Makluman
<b>7.</b>	<b>PERTUKARAN NAMA SEKTOR – SEKTOR EKSA</b>	
	Mesyuarat bersetuju agar nama-nama sektor sedia ada ditukar kepada nama-nama sektor yang lebih bercirikan undang-undang. Nama-nama Sektor perlulah seragam dalam penggunaan Bahasa Melayu. Antara contoh nama yang dicadangkan seperti Undang-undang Siber.	Ketua-ketua Sektor / Urus Setia
<b>8.</b>	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>	
8.1	Mesyuarat mengambil maklum bahawa pengauditan yang lebih kerap perlu diadakan sekurang-kurangnya 2 bulan sekali.	Ahli Jawatankuasa Audit
8.2	Mesyuarat bersetuju agar markah-markah pengauditan seperti di kawasan <i>parking</i> , <i>pantry</i> dan surau dicampurkan ke dalam markah sektor-sektor.	Ahli Jawatankuasa Audit
8.3	Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan “ <i>reverse parking</i> ”. Email peringatan akan dikeluarkan secara berterusan dan meletakkan “ <i>signboard reverse parking</i> ” di tempat-tempat meletak kenderaan di Basemen 1, 2 dan 3.	Ahli Jawatankuasa Promosi / Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

<b>9.</b>	<b>HAL-HAL LAIN</b>		
9.1	Mesyuarat bersetuju agar Ahli-ahli Jawatankuasa perlu terdiri daripada pelbagai seksyen. Surat memohon pencalonan pelantikan ahli yang baru akan disediakan oleh urus setia.	Urus Setia / Jawatankuasa Promosi / Latihan dan Audit EKSA	
9.2	Mesyuarat meminta diadakan pembentangan Kajian Hasil Pelaksanaan EKSA di BHEUU.	Urus Setia	
<b>10.</b>	<b>PENUTUP</b>		
	Mesyuarat ditangguhkan jam 11.25 pagi.		

Disediakan oleh:

  
Unit Inovasi  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia  
8 Februari 2017

Disemak oleh:



**Tuan Haji Mohd Shahren bin Ahmad Saman**  
**(Pengarah Seksyen Pengurusan Sumber Manusia)**

Disahkan oleh:

 22/2/17

**Encik Mohd Yusoff bin Aman**  
**(Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan))**



## LAMPIRAN A

### KEHADIRAN

1. Encik Mohd Yusoff bin Aman  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Pengerusi
2. Tuan Haji Mohd Shahren bin Ahmad Saman  
Pengarah (Seksyen Pengurusan Sumber  
Manusia) Ketua Seksyen/  
Penaung Sektor  
Tualang
3. Puan Salmiah binti Ismail  
Pengarah (Seksyen Pengurusan Maklumat) Ketua Seksyen/  
Penaung Sektor  
Keruing
4. Puan Hadiyatul Hayati binti Khalil  
Timbalan Pengarah (Seksyen Dasar) Wakil Pengarah  
Seksyen Dasar
5. YM Raja Suzilawati binti Raja Hasan  
Ketua Penolong Pengarah (Seksyen  
Pembangunan) Fasilitator
6. Cik Nazlina Azlin binti Adamsah  
Pegawai Teknologi Maklumat (Seksyen  
Pengurusan Maklumat) Ahli Jawatankuasa  
Promosi
7. Puan Khairul Azwati binti Bukhari  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
(Seksyen Pengurusan Maklumat) Ketua Sektor  
Keruing Aras 5,  
Seksyen  
Pengurusan  
Maklumat
8. Puan Prema A/P Raghaven  
Penolong Pegawai Penerangan (Unit  
Komunikasi Korporat) Ketua Sektor  
Cendana, UKK
9. Puan Normaidayu binti Abdul Majid  
Penolong Pegawai Tadbir (Unit Khidmat  
Pengurusan ) Ketua Sektor  
Merawan, Aras 5,  
UKP
10. Puan Nitasha binti Mohd Najib Koh  
Penolong Pegawai Tadbir (Seksyen  
Pembangunan) Ahli Jawatankuasa  
Latihan

- |  |  |
|--|--|
| 11. Puan Nor Wahida binti Abdul Muntak Setiausaha Pejabat (Seksyen Pembangunan)      | Ahli Jawatankuasa Promosi                          |
| 12. Encik Shahrin bin Othman Penolong Pustakawan (Seksyen Pengurusan Sumber Manusia) | Ketua Sektor Tualang, Aras 2                       |
| 13. Encik Sidek bin Ahmad Ketua Pembantu Tadbir (Seksyen Pengurusan Sumber Manusia)  | Ketua Sektor Kempas, Aras 5<br>Unit Sumber Manusia |
| 14. Cik Noor Akmar binti Shahrin Pembantu Tadbir (Seksyen Dasar)                     | Ketua Sektor Merbau, Aras 6                        |
| 15. Encik Mohd Ariffudin bin Ghozali Pembantu Tadbir (Unit Integriti)                | Ketua Sektor Cengal, Aras 7                        |

**TIDAK HADIR DENGAN MAKLUMAN**

- |   |  |
|---|--|
| 16. Encik Azham bin Bachok @ Hj Mohd Yassin | Ketua Seksyen/<br>Penaung Sektor Balau, Aras 5<br>Seksyen Kewangan |
| 17. Puan Laila Khalidah binti Ismail        | Ketua Seksyen/<br>Penaung Sektor Merbau, Aras 6                    |
| 18. YM Tengku Adnin bin Tengku Adnan        | Ketua Seksyen/<br>Penaung Sektor Medang, Aras 4                    |
| 19. Puan Shamsiah binti Daud                | Ketua Komunikasi Korporat/Penaung Sektor Cendana UKK               |

20. Puan Nor Azlina binti Kamaruddin  
Ketua  
Jawatankuasa  
Promosi
21. Encik Bahrunizam bin Abd Kadir  
Ketua  
Jawatankuasa  
Audit Dalam
22. Puan Siti Aishah binti Yahaya  
Ketua Sektor  
Balau, Aras 5  
Seksyen Kewangan
23. Encik Nik Saiful Afendi bin Othman  
Ketua Sektor  
Medang, Aras 4
24. Puan Nooraini binti Ahmad Kushashi  
Penolong Pegawai Tadbir (Unit Inovasi)  
Urus Setia
25. Puan Nur Rashidah binti Yahil  
Pembantu Tadbir (Unit Integriti)  
Urus Setia